


Rampas 2,474 karton rokok seludup dalam banglo

Kota Bharu: Polis Kelantan merampas 2,474 karton rokok seludup pelbagai jenama menerusi serbuan di sebuah rumah banglo di Kampung Telok Kitang, Pengkalan Chepa, Ahad lalu.

Op Kontraban dilakukan sepasukan pegawai dan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan jam 10 malam itu turut membawa kepada penahanan seorang lelaki tempatan berusia 30-an.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kelantan, Datuk Mohd Nor Yhazid Idris berkata, serbuan dilakukan hasil risikan dan intipan dilakukan pihaknya sejak beberapa minggu lalu.



MOHD Nor Yhazid Idris (tengah) bersama pegawainya menunjukkan sebahagian daripada rokok yang dirampas.

Menurutnya, ketika serbuan dilakukan di sebuah rumah banglo dua tingkat berkenaan, polis menemui

puluhan kotak yang disimpan di sebuah bilik.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat rokok selu-

dup pelbagai jenama termasuk 950 karton rokok John, 840 rokok Surya dan 504 karton rokok John Black.

"Semua rampasan melibatkan 2,474 karton rokok dengan nilai keseluruhan sebanyak RM277,000," katanya di sini, semalam.

Mohd Nor Yhazid berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan bekalan rokok terbabit dibawa masuk melalui jalan laut untuk pasaran tempatan.

"Hasil soal siasat juga mendapati suspek mengaku terbabit kegiatan penyeludupan rokok sejak Mac lalu.

"Suspek kini direman empat hari sehingga esok dan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967," katanya.